KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

# PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

## SESI I : 2023/2024

Telegram rasmi Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2023/2024
http://tiny.cc/PelajarBaharuPSMZA2324

DISEDIAKAN OLEH :
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

# ISI KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Peringatan Penting** | 3 |
| **1.0 Maklumat Am** | |
| 1.1 Pengenalan | 4 |
| 1.2 Kemudahan Penginapan (Asrama) | 5 |
| 1.3 Bantuan Kewangan | 6 |
| **2.0 Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2023/2024** | |
| 2.1 Proses Pendaftaran | 7 |
| 2.2 Pendaftaran Secara Atas Talian | 8 - 9 |
| 2.3 Proses Pendaftaran / Lapor Diri Ke Kampus | 10 |
| **3.0 Jadual Yuran Dan Kaedah Pembayaran** | |
| 3.1 Jadual Yuran Dan Bayaran | 11 |
| 3.2 Kaedah Bayaran Yuran Melalui ***JOMPAY*** | 12 |
| 3.3 Kaedah Bayaran Pelbagai | 13 |
| 3.4 Kaedah Bayaran Yuran & Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) | 14 |
| **4.0 Pemakaian Dan Rupadiri Pelajar** | |
| 4.1 Semasa Hari Pendaftaran | 15 |
| 4.2 Sepanjang Berada Dan Berurusan Di Kampus PSMZA | 16 - 17 |
| **LAMPIRAN** | |
| AKUAN MENERIMA TAWARAN PENEMPATAN KAMSIS | 18 |
| BORANG PENGAKUAN PENJAGA | 19 |
| MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN PSMZA | 20 |
| BHEP 1 – 6 | 21 - 38 |
| BORANG KEAHLIAN PELAJAR MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA (MSP) | 39 |

# PERINGATAN PENTING

## 1 SEMAKAN MAKLUMAT

1.1. Maklumat anda akan **disemak secara terperinci pada hari pendaftaran**. Tindakanakan diambil sekiranya anda:

i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:

a. Kewarganegaraan

b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan SemesterAkhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)

ii. Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

1.2. Jika anda terlibat dengan perkara **(i) dan (ii)**, tawaran kemasukan anda ke politeknik akan **ditarik balik** dan **terbatal**.

## 2 SYARAT PROGRAM : CALON TIDAK BUTA WARNA

2.1. **Pelajar** yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, **dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dengan SEGERA sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor**. Syarat bagi program yang tersenarai di bawah ini adalah calon tidak buta warna.

1. Diploma Kejuruteraan Mekanikal
2. Diploma Kejuruteraan Mekatronik
3. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
4. Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)
5. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
6. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
7. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)

2.2. Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web http://ambilan.mypolycc.edu.my untuk simpanan sendiri.

# 1.0 MAKLUMAT AM

## 1.1 PENGENALAN

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) terletak di kaki Bukit Bauk, di daerah Dungun Terengganu. PSMZA merupakan politeknik ke 13 dalam senarai politeknik di Malaysia. PSMZA menawarkan 8 program kejuruteraan dan 1 program teknologi maklumat kepada pelajar. Program yang ditawarkan di PSMZA adalah seperti berikut:

i. **Jabatan Kejuruteraan Awam**

Diploma Kejuruteraan Awam (**DKA**)

ii. **Jabatan Kejuruteraan Elektrik**

Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (**DEE**)

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) (**DTK**)

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (**DEP**)

iii. **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal**

Diploma Kejuruteraan Mekanikal (**DKM**)

Diploma Kejuruteraan Mekanikal (AUTOMOTIF) (**DAD**)

Diploma Kejuruteraan Mekanikal (PEMBUATAN) (**DTP**)

Diploma Kejuruteraan Mekatronik (**DEM**)

iv. **Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (**DDT**)

**Visi Politeknik Malaysia:**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

**Misi Politeknik Malaysia:**

v. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;

vi. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);

vii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan

viii. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

## 1.2 KEMUDAHAN PENGINAPAN (ASRAMA)

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) menyediakan kemudahan penginapan seperti butiran berikut:

i. Blok P (Asrama pelajar perempuan).
ii. Blok D dan Blok T (Asrama pelajar lelaki)
iii. Kapasiti 1 bilik asrama adalah untuk dua orang pelajar
iv. PSMZA hanya menyediakan kemudahan asas di asrama seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. **Bantal, sarung bantal dan cadar serta keperluan peribadi** lain hendaklah dibawa sendiri.
v. Pelajar Baharu diwajibkan tinggal di asrama sepanjang semester 1. Pelajar boleh membuat permohonan mendiami asrama bagi semester seterusnya.

## 1.3 BANTUAN KEWANGAN

PSMZA tidak menyediakan pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar. Pelajar boleh memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa/Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini. Pembiaya Pendidikan pelajar yang terbesar di PSMZA adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**.

### SENARAI PEMBIAYA PINJAMAN DAN BIASISWA

| Bil | Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa | Laman Sesawang |
|---|---|---|
| 1 | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | http://www.ptptn.gov.my/ |
| 2 | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | http://www.jpa.gov.my/ |
| 3 | Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah | http://www.biasiswa.sabah.gov.my/ |
| 4 | Jabatan Kemajuan Orang Asli | http://www.jakoa.gov.my/ |
| 5 | Biasiswa Sukan KPM | https://biasiswa.moe.gov.my/sukan |
| 6 | Bantuan Kewangan Pelajar OKU | https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/ |
| 7 | Yayasan Telekom Malaysia | https://www.tm.com.my/YayasanTM |
| 8 | Yayasan Pelajaran Johor | http://portal.ypj.gov.my/ |
| 9 | Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) | https://tapem.melaka.gov.my/1/ |
| 10 | Yayasan Sarawak | http://yayasansarawak.org.my/ |
| 11 | Yayasan Pahang | http://www.yp.org.my/ |
| 12 | Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS) | http://tkwbns.selangor.gov.my/ |
| 13 | Yayasan Selangor | http://www.yayasanselangor.org.my/ |
| 14 | Yayasan Terengganu | https://www.yt.gov.my |
| 15 | Yayasan Negeri Sembilan | https: //www.yns.gov.my |
| 16 | KUOK Foundation | http://www.kuokfoundation.com/ |
| 17 | Zakat Selangor | https://www.zakatselangor.com.my |

# 3.0 PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2023/2024

## 3.1 PROSES PENDAFTARAN

Mula

⬇

Membuat **setuju terima tawaran**, **cetak, lengkapkan** dan **memuatnaik (*upload*)** di pautan di bawah serta **hantar BorangJawapan Terima (BJT) ke PSMZA** dalam tempoh 14 hari

https://tinyurl.com/hantarBJTPSMZA

⬇

Muat turun Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I:2023/2024 PSMZA di pautan http://spmp.psmza.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp (selepas BJT disahkan penerimaan oleh PSMZA)

⬇

Membuat **bayaran** mulai **01 Ogos 2023**.
Rujuk Jadual yuran dan kaedah pembayaran di m/s 11 – 14

⬇

Daftar secara *online*
di http://spmp.psmza.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp
& cetak **salinan slip pengesahan pendaftaran *online***
Rujuk m/s 8 - 9

⬇

**Proses pendaftaran / lapor diri pelajar di asrama**
Rujuk m/s 10

⬇

**Serahan dokumen Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2023/2024**
Rujuk m/s 10

⬇

Tamat

### 3.2 PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN

**Langkah 1 :** Klik pada pautan berikut :- http://spmp.psmza.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp

**Langkah 2 :** Masukkan nombor kad pengenalan pelajar dan klik Teruskan




**Langkah 3 :** Muat turun maklumat am dan maklumat bayaran. Baca dengan teliti segala maklumat yang terdapat dalam Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I:2023/2024.




**Langkah 4 :** Jelaskan bayaran seperti yang telah diterangkan pada muka surat 10 hingga 12.

**Langkah 5 :** Klik pada Butang Semak Status Bayaran selepas 3 hari pembayaran dibuat.

Jika **Langkah 4: Pendaftaran Online (dalam talian)** telah muncul seperti di bawah, klik pada Butang Teruskan Untuk Pendaftaran.

*Jika paparan masih seperti di atas, sila hubungi Pegawai Hal Ehwal Pelajar di talian 09-8400988.




**Langkah 6 :** Maklumat Pendaftaran Online akan dipaparkan seperti di bawah. Klik pada butang “Cetak Slip” untuk mencetak slip pengesahan pendaftaran online. Sila bawa slip ini semasa Hari Pendaftaran.



## 3.3 PROSES PENDAFTARAN / LAPOR DIRI KE KAMPUS

### 3.3.1 Proses pendaftaran / lapor diri pelajar di asrama akan berlangsung seperti butiran berikut :

| TARIKH & MASA | JABATAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| 20 OGOS 2023<br>9.00 PAGI – 12.30 TENGAHARI | JKA (DKA)<br>JKM (DKM, DAD, DTP, DEM) | Pejabat Asrama |
| 20 OGOS 2023<br>2.30 PAGI – 4.30 PETANG | JKE (DEE, DTK, DEP)<br>JTMK (DDT) | |

Sila sediakan dokumen berikut untuk pendaftaran asrama :

i. Borang maklumat peribadi
ii. Akuan Menerima Tawaran Penempatan Kamsis
iii. Borang Pengakuan Penjaga
iv. Salinan resit bayaran yuran asrama
v. 3 keping gambar berukuran passport

### 3.3.2 Serahan dokumen Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2023/2024

Tarikh : **21 OGOS 2023 (ISNIN)**
Masa : **8.30 PAGI – 12.30 TENGAHARI**
Tempat : **DEWAN DAGANG, PSMZA**

Bagi memastikan kelancaran proses serahan dokumen, pelajar perlulah memastikan perkara - perkara berikut telah disediakan dan disusun mengikut turutan di bawah sebelum hadir mendaftar di PSMZA.

i. Slip Pengesahan Pendaftaran online
ii. Borang HEP 1- HEP 5 (BHEP1-5)
iii. Penyata gaji ibu bapa (jika tiada, sila lengkapkan BHEP 6)
iv. Borang keahlian pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
v. Resit bayaran asal
vi. Salinan Penyata akaun / muka depan buku no akaun pelajar yang aktif
vii. Surat Asal Tajaan cth: MAIS, MAIP, YTN (jika ada)
viii. 2 keping gambar berukuran passport (BHEP1 & fail peribadi pelajar)

**Nota:**
Sebarang maklumat terkini berkaitan pendaftaran akan di muatnaik di saluran Telegram rasmi Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I : 2023/2024 di pautan berikut: http://tiny.cc/PelajarBaharuPSMZA2324. Bagi mengelakkan sebarang keciciran maklumat, pelajar diminta untuk menyertai saluran telegram yang dinyatakan.

# 4.0 JADUAL YURAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN

## 4.1 JADUAL YURAN DAN BAYARAN

| BIL | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Yuran Pengajian | 200.00 | Bayar melalui perbankan internet (**JOMPAY**)<br>Pelajar Baharu diwajibkan duduk Asrama<br>**Rujuk muka surat 12** |
| 2 | Yuran Asrama | 60.00 | |
| 3 | Bayaran Pelbagai Pelajar Smester 1 | 300.00 | Bayar / *Transfer* kepada :<br>**Koperasi Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin**<br>**Rujuk muka surat 13** |
| 4 | Yuran & Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) | 40.00 | Bayar / *Transfer* kepada :<br>**Tetuan Majlis Sukan Politeknik**<br>**Rujuk muka surat 14** |
| 5 | Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar. | | |

Nota :

a. Pembayaran boleh dibuat bermula **01/08/2023 (SELASA**).

b. Politeknik **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran

c. Pelajar **perlu mencetak maklumat bayaran** yang dibayar secara atas talian dan **disimpan** sebagai **bukti pembayaran**.

d. Pelajar boleh membuat **pendaftaran secara *online*** setelah membuat bayaran, iaitu **selepas 3 hari bekerja**.

e. Sila hubungi Pegawai Hal Ehwal Pelajar di talian 09-8400988 sekiranya masih gagal mendaftar secara *online* selepas 3 hari (bekerja) bayaran dibuat.

f. Pelajar disyorkan untuk membuka akaun simpanan milik sendiri dari mana-mana cawangan Bank Islam yang berdekatan dengan lokasi tempat tinggal (Jika ingin memohon PTPTN)

* Baju bengkel bagi pelajar kejuruteraan boleh didapati di Koperasi Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

## 4.2 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA MELALUI *JOMPAY*

**Langkah 1 :** Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau *mobile banking*

**Langkah 2 :** Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills / payments / pay&transfer*




**Langkah 3 :** Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut

**i)** Masukkan *Biller Code*: **585232** (PSMZA)

ii) *Reference 1*: **Nombor Kad Pengenalan Pelajar** (tanpa simbol '-')

iii) *Reference 2*: **Nombor Telefon Pelajar** (tanpa simbol '-')

iv) Jumlah: **RM260** (boleh disekalikan)




**Langkah 4 :** Semak semula maklumat sebelum mengesahkan pembayaran

**Langkah 5 :** Paparan seperti di bawah akan dipaparkan setelah transaksi berjaya




- Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

## 4.3 KAEDAH BAYARAN PELBAGAI

**Langkah 1 :** Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau *mobile banking*

**Langkah 2 :** Pilih *Transfer* pada menu di bank pilihan anda. Ikut arahan perbankan pilihan anda dan masukkan maklumat di bawah.

i) Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**
ii) Nama Akaun : **Koperasi Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin**
iii) No Akaun : **13044010038234**
iv) Jenis Akaun : **Akaun Semasa**
v) Jumlah : **RM300**
vi) *Ref 1 @ Recipient ref* : **No Kad Pengenalan Pelajar**
(tanpa simbol '-') cth: 0012011122XX
vii) *Ref 2 @ other payment details*: **No Telefon Pelajar**
(tanpa simbol '-') cth: 01396524XX







**Langkah 3 :** Semak semula maklumat sebelum mengesahkan pembayaran.

**Langkah 4 :** Buat bayaran dan cetak resit maklumat bayaran bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

## 4.4 KAEDAH BAYARAN YURAN & KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

**Langkah 1 :** Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau *mobile banking*

**Langkah 2 :** Pilih *Transfer* pada menu di bank pilihan anda. Ikut arahan perbankan pilihan anda dan masukkan maklumat di bawah.

i) Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**
ii) Nama Akaun : **Tetuan Majlis Sukan Politeknik**
iii) No Akaun : **04033010018727**
iv) Jumlah : **RM40**
v) *Ref 1 @ Recipient ref* : **No Kad Pengenalan Pelajar**
(tanpa simbol '-') cth: 0012011122XX







**Langkah 3 :** Semak semula maklumat sebelum mengesahkan pembayaran.

**Langkah 4 :** Buat bayaran dan cetak resit maklumat bayaran bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar. Kepilkan salinan resit ini bersama borang keahlian pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP).

# 5.0 PEMAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR

## 5.1 SEMASA HARI PENDAFTARAN

| Pelajar | Etika Pemakaian |
|---|---|
| **Lelaki** | • Kemeja lengan panjang / pendek – hendaklah sentiasa 'Tuck-in'<br>• Seluar panjang jenis '*slack*'<br>• Berambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan<br>• Berkasut dan berstokin yang bersesuaian<br>• Berpakaian kemas dan bersesuaian sebagai seorang pelajar |
| **Perempuan** | • Berbaju kurung atau berpakaian sopan yang tidak menjolok mata<br>• TIDAK DIBENARKAN berpakaian ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif<br>• Menutup aurat (bertudung) bagi yang beragama Islam<br>• Rambut diikat kemas,dan tidak diwarnakan (bukan beragama islam)<br>• Fesyen rambut yang keterlaluan tidak dibenarkan<br>• Berkasut dan berstokin yang bersesuaian<br>• Berpakaian kemas dan bersesuaian sebagai seorang pelajar |

### 5.2 SEPANJANG BERADA DAN BERURUSAN DI KAMPUS PSMZA (LELAKI)



**5.3 SEPANJANG BERADA DAN BERURUSAN DI KAMPUS PSMZA (PEREMPUAN)**



## AKUAN MENERIMA TAWARAN PENEMPATAN KAMSIS

Saya : ……………………………………………………………………………………

No. Kad Pengenalan : ………………………………………………………….................................

Faham bahawa sepanjang saya menetap di **KAMSIS POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DUNGUN TERENGGANU** akan mematuhi segala peraturan KAMSIS PSMZA khasnya dan AKTA 174 seperti yang telah diperuntukkan kepada saya. Sepanjang tempoh itu juga saya berjanji akan menjadi warga PSMZA yang mulia, berakhlak dan bijaksana disisi agama, bangsa dan negara.

Dengan ini saya menerima **TAWARAN PENEMPATAN KAMSIS** ini dengan rela dan sedia menerima sebarang hukuman yang dikenakan terhadap diri saya sekiranya saya melakukan sebarang kesalahan jika didapati bersalah. Sehubungan dengan itu sebarang masalah peribadi dan harta peribadi saya adalah tanggungjawab saya. Kehilangan atau kerosakan harta awam dan harta PSMZA jika disebabkan oleh saya, akan ditanggung oleh saya sendiri.

Sekian.

| Tandatangan Pelajar | Tandatangan Saksi ***(Ibu/bapa)*** |
|---|---|
| ……………………………………… | ……………………………………….. |
| (                                        ) | (                                        ) |
| Tarikh : ……………………….. | No. K/P : ………………………………… |
| | Tarikh : …………………….. |

## BORANG PENGAKUAN PENJAGA

Kamsis Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu mempunyai kemudahan tempat tinggal yang sangat terhad. Oleh itu penjaga dan anak jagaan mereka adalah sangat bertuah kerana diberi tempat tinggal di **Kamsis Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu**. Jesteru itu, hargailah kemudahan yang diberikan ini.

Dengan ini saya ……………………………………………………………………………………..memberi

( penjaga)

jaminan anak saya ……………………………………………………………………………… tidak akan

( pelajar)

melakukan perkara-perkara berikut :

- Merokok di mana-mana kawasan kampus dan kamsis
- Keluar meninggalkan kawasan kamsis tanpa mendapatkan kebenaran Warden
- Melanggar mana-mana Peraturan Kamsis
- Melanggar mana-mana AKTA 174

Sekiranya didapati anak / jagaan saya pada bila-bila masa melakukan perkara-perkara di atas saya

………………………………………………………………………………………………………………….
membenarkan pihak pengurusan Kamsis Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,Dungun Terengganu mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut paraturan yang diperuntukkan oleh pihak pengurusan Kamsis PSMZA dan AKTA 174.

Dengan ini kami menerima tawaran penempatan di Kamsis Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu untuk sesi pengajian ______________________.

| | |
|---|---|
| ( ……………………………………………... ) | ( …………………………...………… ) |
| Nama Bapa/Penjaga :………………………………… | Nama Anak :…………………………….…. |
| ………………………………………………………… | ……………………………………………… |
| No. K/P : …………………………………… | No.K/P :………………..……………… |
| Tarikh : ……………………………… | Tarikh : …………………………... |

**POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**
KM 08, JALAN PAKA, 23000 DUNGUN, TERENGGANU
Tel : 09-8400800 Fax : 09-8458781

**MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR**
**KOLEJ KEDIAMAN PSMZA**

**GAMBAR**
***wajib***

SESI : ___________________
NO. BILIK : ___________________
TARIKH MASUK : ___________________
NO. RESIT ASRAMA : __________________________

## A. BUTIRAN PELAJAR

1. NAMA : ____________________________________________________________________________
2. NO. KAD PENGENALAN : ____________________________ 3. NO. PEND : ________________________________
4. KURSUS : ______________________________ 5. JABATAN : ____________________6. SEM : _____________
7. JANTINA : *L / P. 8. KETURUNAN :*MELAYU /CINA/INDIA/LAIN2.
9. SEJARAH PENYAKIT MISTERI/HISTERIA : _____________________ 10. AGAMA : ___________________
11. NO. TELEFON : ________________________________
12. ALAMAT TETAP : _________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
______________________________________________________________________

## B. BUTIRAN KELUARGA.

1. NAMA PENJAGA/KELUARGA TERDEKAT : _________________________________________________
2. ALAMAT: _________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
_____________________________________________________________________________________
3. NO. K/PENGENALAN : _______________________________________
4. NO. TEL RUMAH : _________________________ 5. NO. TEL BIMBIT : __________________________________

## C. PERAKUAN PELAJAR

SAYA MENGAKU BAHAWA SEMUA KETERANGAN YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR.
SEKIAN, TERIMA KASIH.

____________________________
( Tandatangan Pelajar )

Tarikh : ___________________

Cop Tarikh
Terima

***PERHATIAN:***
****KEMUDAHAN BANTAL TIDAK DISEDIAKAN OLEH PIHAK KAMSIS.***
***SILA BAWA BANTAL SENDIRI.***
****BORANG INI HENDAKLAH DIHANTAR***
***SEMASA MENDAFTAR KOLEJ KEDIAMAN.***
****ISI YANG BERKENAAN SAHAJA.***

*Masa di semak :* ________________
*Masa serah kunci :* ______________

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# BORANG HAL EHWAL PELAJAR (BHEP 1-6)

Semua calon pelajar adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1-6) Politeknik dan Kolej Komuniti. Borang-borang yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

| BIL | BORANG | SEMAKAN (PELAJAR) | SEMAKAN PEGAWAI | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **BHEP 1**<br>Borang Maklumat Peribadi Pelajar | | | - BHEP 1-1/4: Sila lekatkan gambar terbaru berukuran passport.<br>- BHEP 1-2/4 dan 3/4 : Kepilkan slip gaji / penyata pencen terkini dan disahkan.<br>- Jika Bekerja Sendiri / Tidak Bekerja. Isi Borang Pengesahan Pendapatan BHEP 6a/ 6b/ 6c. |
| 2 | **BHEP 2**<br>Laporan Pemeriksaan Kesihatan | | | - Perlu dibuat di Klinik atau Hospital Kerajaan/Swasta serta ditandatangan oleh Doktor bertauliah |
| 3 | **BHEP 3**<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab<br>i. BHEP 3a<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)<br>ii. BHEP 3b<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar) | | | - Perlu ditandatangan oleh Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi |
| 4 | **BHEP 4**<br>Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan | | | - Perlu ditandatangan oleh Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi |
| 5 | **BHEP 5**<br>Aku Janji Pelajar | | | - Perlu ditandatangan oleh calon pelajar dan saksi. |
| 6 | **BHEP 6**<br>Borang Pengesahan Pendapatan<br>i. BHEP 6a<br>Borang Pengesahan Pendapatan Bapa<br>ii. BHEP 6b<br>Borang Pengesahan Pendapatan Ibu<br>iii. BHEP 6c<br>Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga | | | - Diisi jika tiada slip gaji/ penyata pencen.<br>- Perlu ditandatangan oleh calon/ Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi.<br>- Kepilkan Salinan Slip Bayaran Bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, NGO dan lain-lain (sekiranya berkaitan) |

Semua borang hendaklah **LENGKAP** dan perlu diserahkan pada hari pendaftaran pelajar baharu.

***Senarai Saksi:***

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun/ Wakil Rakyat / Senator / Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

# BORANG HAL EHWAL PELAJAR
# (BHEP1 – BHEP6)

***ARAHAN:***

1. Sila lengkapkan **SEMUA** borang dengan sempurna.
2. Susun mengikut tertib dan bawa Borang Hal Ehwal Pelajar ini pada Hari Pendaftaran.

| ***NAMA PELAJAR*** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| ***NO. KP*** | | | | | | | - | | | - | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

| ***NO. PENDAFTARAN*** | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

*No pendaftaran hanya akan diterima selepas pendaftaran dalam talian.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**BHEP 1**

# BORANG MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR

**LEKATKAN GAMBAR BERWARNA TERKINI BERUKURAN PASPORT**

| MAKLUMAT PELAJAR | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pelajar (seperti dalam Kad Pengenalan) | | | |
| No. Kad Pengenalan | | | |
| Tarikh Lahir | | Jantina | |
| Bangsa | | Agama | |
| Warganegara | | | |
| Status perkahwinan | Bujang/Kahwin/Duda/Janda | | |
| Bilangan adik-beradik | | | |
| No. Telefon | | | |
| Alamat Surat Menyurat | | | |
| Alamat E-Mel | | | |
| Jenis Penyakit Pernah / Sedang Dihidapi (Jika Ada) | | | |
| Status OKU | Ya / Tidak | Jika Ya, Nyatakan (Jenis Kecacatan) : ____________________ ____________________ No. Pendaftaran OKU (jika ada) : ____________ | |

*BHEP 1 – 1/4*

| MAKLUMAT BAPA/PENJAGA | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Ibu (seperti dalam Kad Pengenalan) | | | |
| Hubungan (Jika Penjaga) | | | |
| Bangsa | | | |
| Status | Berkahwin / Bercerai / Balu / Meninggal Dunia | | |
| No. Kad Pengenalan | | | |
| No. Telefon (Bimbit/Rumah) | | No. Telefon (Pejabat) | |
| Pekerjaan<br>(Tanda dan kepilkankan dokumen yang berkenaan sahaja) | Kepilkan slip gaji/ penyata pencen yang terkini jika:<br><br>i. ( ) Kerajaan. Nyatakan pekerjaan :……………………………….<br>ii. ( ) Swasta. Nyatakan pekerjaan :………………………………….<br>iii. ( ) Pesara<br><br>Isi Borang Pengesahan Pendapatan (BHEP 6) jika:<br>iv. ( ) Sendiri. Nyatakan pekerjaan:………………………………<br>v. ( ) Tidak Bekerja | | |
| Tempat Bekerja/Syarikat/ Organisasi<br><br>(Wajib isi jika tanda pada i / ii / iii) | | | |
| Pendapatan Sebulan (RM)<br><br>(Jumlah pendapatan sama seperti pada slip gaji/penyata pencen/ BHEP 6 ) | | | |
| Bil Tanggungan | _______ orang<br><br>• Bilangan tanggungan = isteri +anak (anak kandung/ anak tiri/ anakangkat yang tidak bekerja)<br>• Anak-anak yang telah bekerja atau telah berumahtangga dan berumur 21 tahun ke atas **TIDAK TERMASUK** di bawah tanggungan ibu/bapa/penjaga walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di peringkat Ijazah Pertama | | |
| Alamat Surat Menyurat | | | |
| Alamat E-Mel | | | |

| MAKLUMAT IBU /PENJAGA | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Bapa (seperti dalam Kad Pengenalan) | | | |
| Hubungan (Jika Penjaga) | | | |
| Bangsa | | | |
| Status | Berkahwin / Bercerai / Duda / Meninggal Dunia | | |
| No. Kad Pengenalan | | | |
| No. Telefon (Bimbit/Rumah) | | No. Telefon (Pejabat) | |
| Pekerjaan<br>(Tanda dan kepilkankan dokumen yang berkenaan sahaja) | Kepilkan slip gaji/ penyata pencen yang terkini jika:<br><br>i. ( ) Kerajaan. Nyatakan pekerjaan :……………………………….<br>ii. ( ) Swasta. Nyatakan pekerjaan :………………………………….<br>iii. ( ) Pesara<br><br>Isi Borang Pengesahan Pendapatan (BHEP 6) jika:<br>iv. ( ) Sendiri. Nyatakan pekerjaan:………………………………<br>v. ( ) Tidak Bekerja | | |
| Tempat Bekerja/Syarikat/ Organisasi<br>(Wajib isi jika tanda pada i /ii / iii) | | | |
| Pendapatan Sebulan (RM)<br><br>(Jumlah pendapatan sama seperti pada slip gaji/penyata pencen/ BHEP 6 ) | | | |
| Bil Tanggungan | _______ orang<br><br>• Bilangan tanggungan = anak (anak kandung/ anak tiri/ anakangkat yang tidak bekerja)<br>• Anak-anak yang telah bekerja atau telah berumahtangga dan berumur 21 tahun ke atas **TIDAK TERMASUK** di bawah tanggungan ibu/bapa/penjaga walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di peringkat Ijazah Pertama | | |
